



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 7 MAC 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

# Peniaga buat penyelarasan harga diberi notis

**Dengkil:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) mengeluarkan 167 notis kepada peniaga yang didapati membuat penyelarasan harga susulan kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada enam kepada lapan peratus.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata notis itu diluarkan menerusi Ops Kesan sejak 1 Mac lalu hasil pemantauan ke atas 3,460 premis perniagaan sehingga kelmarin.

"Fokus kita adalah melihat sektor tumpuan dengan kenaikan SST untuk memastikan jika terdapat penyelarasan harga, mereka akan diberikan notis supaya membuat penjelasan apa faktor penyelarasan itu dibuat.

"Jadi, saya ingin melaporkan sepanjang tempoh 1 hingga 5 Mac pelaksanaan Ops Kesan ini, kita sudah melawat sebanyak 3,460 premis dan mengeluarkan 167 notis kepada peniaga yang

kita lihat premis itu membuat penyelarasan harga," katanya selepas merasmikan Kampung Fresh Market Sdn Bhd di sini, semalam.

Bermula 1 Mac lalu, kadar baharu SST dinaikkan kepada lapan peratus berbanding enam peratus sebelum ini, sebagaimana diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada Oktober lalu.

Langkah itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan daya tahan kewangan negara saman bil mengurangkan defisit belanjawannya.

Susulan kenaikan itu, KPDN melancarkan Ops Kesan bagi memantau kesan kenaikan cukai berkenaan.

Armizan berkata, peniaga

yang diberikan notis terbabit perlu memberi maklum balas dalam tempoh empat hari sebelum tindakan susulan diam-bil.

Dalam pada itu, beliau berkata kementeriannya akan memperluaskan projek rintis Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 kepada sembilan jenis kenderaan sektor pengangkutan darat barang mulai hari ini.

Katanya, kenderaan itu membabitkan lori kargo am, lori minuman botol, lori ais, lori luton, lori tangki, lori tangki air, van panel dan van 'window'.

Menurutnya, menerusi pelaksanaan projek rintis fasa kedua itu, syarikat yang terbabit dalam sektor pengangkutan darat

barang, boleh membuat permohonan bermula jam 9 pagi esok melalui [mysubsidi.kpdn.gov.my](http://mysubsidi.kpdn.gov.my) ([mysubsidi](http://mysubsidi.kpdn.gov.my) die-sel).

"Alhamdulillah, selepas dua bulan, projek rintis dengan enam syarikat berjalan dengan baik, tiada isu besar. Maka bermula esok (hari ini), kita akan memperluaskan projek rintis fasa dua membabitkan sembilan jenis kenderaan dalam sektor pengangkutan darat barangan.

"Jadi, syarikat dalam sektor terbabit dan memiliki kenderaan seperti disenaraikan, dikehendaki membuat permohonan melalui [mysubsidi](http://mysubsidi.kpdn.gov.my) diesel mulai esok (hari ini) sehingga 31 Mac ini," katanya.

Armizan berkata, dengan pelaksanaan projek rintis terbabit, pihaknya menyasarkan penggunaan 'Fleet Card' di lima syarikat minyak ditetapkan iaitu PETRONAS, Shell, Petron,

Caltex dan BHP mulai 1 April ini.

Beliau berharap syarikat yang memiliki sembilan jenis kenderaan terbabit dapat mengemukakan permohonan dengan segera menerusi sistem [mysubsidi](http://mysubsidi.kpdn.gov.my) di-sel.

Ditanya anggaran kenderaan yang akan terbabit dalam pelaksanaan sistem itu, beliau berkata, pihaknya sedang memukamadakkannya dengan Kementerian Pengangkutan.

"Sebab itu kita ingin bersedia awal dengan membuat projek rintis ini supaya kita dapat me-minimumkan 'error' (kesilapan). Ini kerana apabila penyebaran subsidi diumumkan kerajaan kelak, kita sudah membuat persiapan awal," katanya.

Projek rintis SKDS bertujuan menguji sistem [mysubsidi](http://mysubsidi.kpdn.gov.my) diesel KPDN dan juga sistem Fleet Card syarikat minyak sebelum dilaksanakan kepada keseluruhan industri.



Armizan Mohd Ali

## Barangan tiruan lebih RM600,000 dilupus

**BACHOK:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) melupuskan pelbagai barangan tiruan melibatkan 47 kes rampasan bernilai lebih RM664,061 sejak Januari lalu.

Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, semua barang yang dilupuskan itu terdiri daripada pakaian, pewangi, aksesori, pakaian wanita, alat ganti motosikal, alatan komputer, alat timbang sukat dan uncang minuman pracampuran.

Katanya, ia dilupuskan selepas selesai proses mahkamah dan arahan pengawal berkaitan.

"Barangan tiruan yang dirampas itu melibatkan perniagaan dalam premis, pasar malam dan secara dalam talian."

“

Barangan tiruan yang dirampas itu melibatkan perniagaan dalam premis, pasar malam dan secara dalam talian.”

AZMAN ISMAIL

adalah tindakan kes di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dan Akta Perihal Dagangan 2011.

"Pengguna juga perlu berwaspad dengan pembelian secara dalam talian kerana mereka terdedah dengan penipuan selepas mengeluarkan wang, namun menerima barang tiruan," katanya.

Katanya, semua barang itu



AZMAN Ismail (kanan) melupuskan barangan tiruan di Kandis, Bachok, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG.

Ops Kesan pantau harga yang dikenakan berikutan kadar baharu SST

## **167 peniaga kena jawab notis KPDN**

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**DENGKIL** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) melalui Ops Kesan telah membuat pemantauan ke atas 3,460 premis perniagaan dengan mengeluarkan 167 notis kepada peniaga.

Notis itu melibatkan penyelarasan harga kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) selain memastikan tiada peniaga yang mengambil kesempatan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, Ops Kesan itu diperkenalkan bagi melihat implikasi kenaikan harga barang selepas kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada enam peratus kepada lapan peratus bermula 1 Mac lalu.

"Saya fikir inilah keberkesanan pelaksanaan Ops Kesan kerana kita boleh melihat sendiri dan membuat tindakan secara langsung menerusi lawatan ke premis-premis."

"Banyak isu dimainkan di luar



**ARMIZAN** (dua dari kiri) ketika meninjau jualan di sebuah kedai pada majlis Perasmian Kampung Fresh Market Sdn. Bhd. di Cybersouth Dengkil semalam. – FAIZ ALIF ZUBIR

sana (mengenai pelarasan kadar SST) tapi tindakan proaktif penguat kuasa kita turun ke premis jauh lebih efektif," katanya pada

sidang akhbar selepas merasmikan cawangan baharu Kampung Fresh Market Sdn. Bhd. di sini semalam.

Armizan berkata, sebanyak 167 premis itu dikehendaki membuat penjelasan kenapa pelarasan harga itu dibuat selepas em-

pat hari notis diberikan.

Menurutnya, penjelasan itu diperlukan agar pihak KPDN dapat meneliti sama ada pelarasan harga dibuat perniaga itu selari dan tidak bertentangan dengan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Ops Kesan dipekenalkan bagi memantau implikasi pelaksanaan kenaikan SST itu termasuk pemantauan kepada sektor tidak terlibat dengan SST seperti makaran dan minuman supaya tiada penila yang mengambil kesempatan menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Dalam pada itu, Armizan berkata, KPDN akan memperluaskan Projek Rintis Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) kepada sektor pengangkutan darat (barang) yang bermula hari ini.

"Projek itu akan dilaksanakan dalam tempoh sebulan membabitkan kerjasama dengan lima buah syarikat minyak," jelas beliau.



AZMAN (kanan) menggunting sebahagian pakaian tiruan yang dirampas pada Program Pelupusan Ekshibit di Kompleks Penyimpanan KPDN Kelantan, Pasir Puteh semalam.

## Barangan tiruan bernilai lebih RM664,061 dilupus

**BACHOK** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melupuskan pelbagai barangan tiruan melibatkan 47 kes rampasan yang bernilai lebih RM664,061 sejak Januari lalu.

Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, kesemua barangan yang dilupuskan itu terdiri daripada pakaian, pewangi, aksesori, pakaian wanita, alat ganti motosikal, alatan komputer, alat timbang sukat dan uncang minuman prancampuran.

Menurutnya, barangan yang dirampas itu dilupuskan apabila ia selesai menjalani proses mahkamah dan arahan pengawal berkaitan.

"Barangan tiruan yang diram-

pas itu melibatkan perniagaan dalam premis, pasar malam dan secara dalam talian.

"Barangan yang disita dijual tanpa kebenaran pemilik cap dagang dan sebahagiannya dibawa masuk dari negara luar," katanya pada sidang akhbar selepas Program Pelupusan Ekshibit di Kompleks Penyimpanan KPDN Kelantan, Kandis, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azman memberitahu, kesemua barangan itu merupakan tindakan kes di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dan Akta Perihal Dagangan 2011.

Menurutnya, KPDN Kelantan turut memberi amaran kepada peniaga barangan tiruan agar tidak mengulangi kesalahan yang sama.

## **KPDN Kelantan luluskan barang tiruan bernilai lebih RM664k**

**Bachok:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan meluluskan barang tiruan bernilai RM664,061.22 yang diperoleh sejak Januari lalu.

Barangan itu antaranya pakaian, wangian, aksesori wanita, alat ganti motosikal, peralatan komputer, alat timbang sukat dan minuman pracampuran membabitkan 47 kes.

Pengarah KPDN negeri, Azman Ismail berkata, program pelupusan itu membabitkan enam akta berkaitan Akta Kawalan Bekalan 1961; Akta Perihal Dagangan 2011; Akta Timbang dan Sukat 1972; Akta Kawalan Harga & Anti-pencatutan 2011; Akta Cap Dagangan 2019 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Kebanyakan barangan tiruan ini dijual di pasar malam, tapi ada juga di premis perniagaan dan jualan



AZMAN (kanan) memotong peralatan motosikal tiruan pada Program Pelupusan Barang Kes di Kompleks Penyimpanan KPDN Kelantan, semalam.

dalam talian. Ia daripada pelbagai sumber.. ada dari China dan negara jiran.

"Ia termasuk apabila pemilik cap dagangan buat laporan, yang kita ambil tindakan dan sita barangan tiruan itu mengikut akta berkaitan," katanya ketika ditemui pada Program Pelupusan Ekshibit Peringkat KPDN Kelantan di sini, semalam.

Menurutnya, kaedah pelupusan barangan tiruan dimusnahkan dengan cara dipotong, dikoyak, digunting dan dihancurkan mengikut jenis barangan supaya barangan tidak boleh dijual semula.

Dalam perkembangan lain, Azman memaklumkan KPDN negeri sudah memeriksa 15 premis perniagaan selepas pengumu-

man kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dinaikkan sebanyak lapan peratus.

Katanya, pihaknya juga mengeluarkan 15 notis peringesahan maklumat barang (NPMB) membabitkan 45 perkhidmatan pusat kecantikan, pusat latihan memandu dan pusat penjagaan diri dalam Ops Kesan bermula 1 Mac lalu.

# Bazar Ramadan dan kesan SST



ANALISIS  
MUKA 16

ZUBIR SULAIMAN

**P**EJAM celik, minggu depan umat Islam bakal menunaikan Rukun Islam keempat dengan berpuasa di bulan Ramadan. Pastinya bulan yang penuh keberkatan ini memberi peluang buat umatnya untuk memperbaiki dan mendekatkan diri dengan pencipta selain mendapatkan pahala berlipat ganda.

Begitu pun, apa yang penulis ingin utarakan di sini adalah kemeriahan bazar Ramadan yang kunjung tiba setiap tahun tanpa gagal waima ketika negara dilanda pandemik Covid-19 sekali pun tiga tahun lalu, namun ia masih tetap beroperasi meskipun terpaksa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Jika tahun lalu, ramai pelanggan merungut apabila harga juadah di bazar Ramadan dikatakan terlalu tinggi umpama 'nak pergi haji balik hari' dek disebabkan kos bahan mentah yang sememangnya mahal ketika itu.

Kini ramai percaya situasi hampir sama mungkin berulang disebabkan kesan rantaian susulan keputusan kerajaan menaikkan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada 6 kepada 8 peratus pada 1 Mac lalu.

Adakah harga juadah berbuka puasa di bazar Ramadan kali ini turut terkesan sebagaimana tahun lalu atau mungkin lebih tinggi walaupun kerajaan kerajaan berkali-kali mengingatkan bahawa kenaikan cukai SST itu tidak membabitkan perkhidmatan

untuk makanan dan minuman?

Seperti yang dilaporkan media, peniaga makanan dan minuman termasuk peniaga bazar Ramadan telah diingatkan supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang sesuka hati selepas kenaikan SST.

Melaka menjadi negeri pertama yang melaungkan amaran awal mengenai perkara itu apabila Timbalan Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna, Tuminah Kadi tampil memaklumkan pasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan terus mempertingkatkan pemantauan termasuk dengan berpakaian seperti orang awam bagi memudahkan operasi terhadap individu yang berdegil menaikkan harga melampau.

Tegasnya, peniaga tidak wajar ambil kesempatan dengan isu kenaikan SST kerana kerajaan telah memberikan pelbagai bentuk subsidi semua peringkat masyarakat dalam membantu menangani kos sara hidup yang tidak menentu disebabkan ekonomi global.

Malah Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Armizan Mohd Ali turut memberi jaminan pemantauan terhadap sektor yang tidak terlibat dengan kenaikan cukai perkhidmatan seperti makanan dan minuman juga tidak terlepas menerusi Ops Kesan yang digerakkan di bawah Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan (AKHAP) 2011.

Justeru, peniaga khususnya di bazar Ramadan perlu beringat, jika tidak tindakan tegas akan dikenakan sekiranya kenaikan harga yang melampau dan tidak sejarah dengan perundangan pencatutan.

Tidak cukup dengan itu, peniaga juga perlulah mematuhi aspek kesihatan yang telah digariskan pihak berwajib termasuklah memastikan kebersihan makanan, mengikuti kursus pengendali makanan dan mengambil suntikan pelalian tioid agar tidak menimbulkan sebarang masalah yang tidak diingini.

Kita tidak mahu insiden keracunan makanan di Terengganu disebabkan puding buih tercemar membabitkan 99 kes dan satu kematian pada 2020 kembali berulang dan ia wajar dijadikan iktibar khususnya peniaga.

Apa pun suka penulis ingatkan sebagai pengguna kita seharusnya bijak memilih dan cuba mengawal 'nafsu mata' lebih-lebih lagi ketika berkunjung ke bazar Ramadan yang menyajikan 1,001 jenis aneka juadah 'menggiurkan'.

Jadi tepuk dada, tanya selera dan pastikan isi dompet tidak tiris sehingga hujung bulan dek penangan bazar Ramadan kerana persiapan raya usah dilupakan.

Bagi orang ramai yang ingin merasai kemeriahannya berbuka puasa seperti di Masjid Nabawi boleh lah serai Iftar Ala Madinah @Karangkraf bermula 13 Mac.

“

Ramai pelanggan merungut apabila harga juadah di bazar Ramadan dikatakan terlalu tinggi umpama 'nak pergi haji balik hari' dek disebabkan kos bahan mentah yang sememangnya mahal.”

\* Zubir Sulaiman ialah Editor Pengisian Sinar Online



**CUTTING OUT FAKES ...** Kelantan Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Azman Ismail (right) destroying an imitation motorcycle seat yesterday at a storage complex in Bachok. — **BERNAMAPIC**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Kenaikan SST 2 peratus: Rakyat tetap nikmati pembangunan

Oleh JUANI MUNIR  
ABU BAKAR  
[jumi.bakar@mediaraya.com.my](mailto:jumi.bakar@mediaraya.com.my)

**PETALING JAYA:** Kenaikan 2% cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dilahar munasabah kerana hasil kutipan akan dipungutkan semula kepada 33.5 juta rakyat Malaysia.

Ini kerana dijangka sebanyak RM3 billion dapat dikutip menerusi peningkatan kadar cukai itu dan kemudian perlu disalurkan kepada golongan masyarakat.

Malah, kadar SST 2% daripada 6 kepada 8% bermula 1 Mac lalu tidak melibatkan barang dan perkhidmatan yang sering diperlukan khususnya rakyat berpendapatan sederhana dan rendah.

Penasihat Dasar Percutian Kanan KPMG, Veerinderjit Singh, berkata kadar kenaikan SST disifatkan munasabah namun kerajaan mestilah mencari jalan memastikan peningkatan tidak menyebabkan kenaikan harga terlalu tinggi.

Katanya, selain itu ia boleh digunakan bagi melaksanakan bajet seimbang pada masa akan datang.

"Kerajaan perlu membina pendapatan melalui cukai. Kita sudah bercakap tentang reformasi percukai tetapi bagaimana anda mahu melakukan reformasi tanpa menaikkan cukai?" katanya.

Bermula 1 Mac lalu, kerajaan menaikkan kadar SST daripada 6 kepada 8% menerusi Pelusuan Asas Fiskal bahru Komitmen Reformasi Fiskal ketika pengumuman Belanjawan 2024 tahun lalu.

Bagaimanapun, kenaikan itu tidak membabitkan keperluan asas atau harian seperti makanan dan minuman, tempat letak kendaraan, telekomunikasi, logistik, penggunaan elektrik bawah 600 kilowatt-jam (kW) dan perkhidmatan air dirawat.

Sebaliknya, SST 8% itu hanya dikenakan kepada aktiviti berkaitan perkhidmatan yang bukan keutamaan seperti mengunjungi pusat karaoke, hotel, loteri, mesin perjudian dan perkhidmatan e-dagang serta insurans dan takaful.

Justeru, peningkatan SST hanya memberi kesan minimum kepada pengguna dan sektor perniagaan.

Veerinderjit berkata, impak kenaikan SST tidak terlalu ketara kepada pengguna.



VEERINDERJIT SINGH



FARAH ROSLEY

**Kerajaan perlu membina pendapatan melalui cukai. Kita sudah bercakap tentang reformasi percukai tetapi bagaimana anda mahu melakukan reformasi tanpa menaikkan cukai?**

"Sebagai contoh, jika bil membaiki pendirian hawa adalah RM300, bayaran termasuk cukai RM324. Ia tidaklah besar sangat. Nasib baik peningkatan hanya terpakai kepada beberapa jenis perkhidmatan sahaja," katanya.

Pakar percukai itu

menegaskan, kadar cukai tambahan itu hanya dikenakan kepada sektor terpilih manakala sesetengah perniagaan besar mungkin menampung kos tambahan dengan insentif cukai yang bakal diterima.

Dalam pada itu, Veerinderjit berkata, makanan dan perkhidmatan telekomunikasi dikecualikan kenaikan SST.

Beliau memuji langkah kerajaan mengecuikan makanan dan minuman termasuk sektor telekomunikasi daripada berdepan kenaikan, selain menekankan semuanya adalah keperluan rakyat.

Katanya, rakyat perlu memahami kerajaan perlu menambah pendapatan melalui cukai.

"Jadi, kena terima. Kita perlu lebih bijak uruskan bajet," katanya.

Selain itu, beliau berkata kerajaan seharusnya menumpukan kepada pemangsutan cukai bagi transaksi antara perniagaan dan

menberikan pemotongan cukai demi mengurangkan impak peningkatan harga.

Katanya, penghapusan "cukai atas cukai" (mengenakan cukai di setiap rantauan bekalan) akan mengakibatkan kesan berganda kenaikan SST dan mengurangkan beban keseluruhan cukai kepada perniagaan dan pengguna.

Menurutnya, selain itu kerajaan perlu menyasarkan bajet lebihan pada masa hadapan.

"Ia akan membantu ketika berdepan situasi luar jangka bagi kegunaan mendesak," katanya.

Rakan Kongsi Pengurusan Percutian EY, Farah Rosley, berkata pernilaian besar sebenarnya memperoleh beberapa bentuk insentif cukai antaranya eluan cukai pelaburan bagi perbelanjaan modal.

"Jadi, perniagaan besar mungkin membayar tambahan 2% SST, namun mereka juga mendapat pengurangan eluan cukai pelaburan dan 'pioneer incentives,'" katanya.

Dalam pada itu katanya, tambahan pendapatan daripada hasil kenaikan SST perlu digunakan bagi memacu ekonomi.

Katanya, ia penting terutama ketika ekonomi global dibelenggu krisis.

Menyentuh kesan SST kepada elektronik, ia membabitkan mereka yang menggunakan lebih dari pada 600kWh sahaja sekali gus bermakna kira-kira 85% pengguna tidak terlibat kerana mereka berada di luar ambang.

SST juga tidak akan dikenakan kepada perkhidmatan air dirawat.

Oleh itu, penilaian dan syarikat pengendali perkhidmatan dianggap tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang mereka khususnya keperluan harian bagi mengaut keuntungan berlipat ganda sekali gus membebarkan rakyat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Fuziah Saleh, berikata tindakan tegas akan dikenakan terhadap penilaian yang bertindak sesuloi hati menaikkan harga barang kesan susulan kenaikan 2% SST.

Beliau berkata, pihaknya melancarkan Ops Kesari dengan mengerakkan seluruh penguat kuasa bagi memastikan tiada cubaan peniaga mengambil kesempatan terhadap pengguna.

"Langkah penguatkuasaan ini akan ditumpukan bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011 bagi mengesang sebarang tindakan mencatut atau menaikkan harga secara tidak munasabah," katanya.

Katanya, mana-mana pihak melakukan kesalahan mencatut boleh didenda sehingga RM100,000 bagi individu atau penjaja tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat tidak melebihi RM500,000.

## SENTIMEN RAKYAT TERHADAP SST



**Sentimen: Negatif berubah kepada neutral**

**Tinjauan: Sekitar 10,000**

Pendapat semakin berkurang.

# Amal gaya hidup lestari harungi tekanan kenaikan kos sara hidup

- Kenaikan kos sara hidup bakal memberi kesan besar kepada negara dan menyumbang kepada kesenjangan ekonomi semakin melebar antara golongan masyarakat.

- Rakyat perlu lebih cakna, berdisiplin menguruskan perbelanjaan harian, membuat perancangan kewangan jangka pendek dan panjang serta mengambil keputusan kewangan bijak untuk mencapai kesejahteraan kewangan.

Diah Lili Fariza Arifin  
dhrencana@bh.com.my



Penganalisis  
Penyelidikan,  
Institut Masa Depan  
Malaysia (IMAS)

Sukar untuk memahami hakikat kenaikan harga barang asas dan makakan atau kos sara hidup di samping berlaku inflasi, kemererosotan nilai ringgit ditambah pula dengan kenaikan dua peratus Cukai Barang dan Perkhidmatan (SST) sejak 1 Mac lalu, semakin mencengkam kehidupan rakyat. Hari ini, kuasa beli rakyat mengecil, terutama golongan miskin, B40, malah golongan M40. Ada yang terkapai-kapai memikirkan bagaimanakah cara hendak meneruskan kelangsungan hidup pada masa ini akibat tersebut dengan keadaan ekonomi semasa.

Menurut Jabatan Perangkaian, Indeks Harga Pengejaran Perkhidmatan (IHPRP) negara mencatatkan 115.5 mata pada suku keempat 2023, peningkatan 1.0 peratus berbanding 1.4 peratus pada suku ketiga 2023. Kebanyaknya subsektor turut merekodkan peningkatan harga pada suku tahun ini.

Subsektor kesenian, hiburan dan rekreasi meningkat sebanyak 5.5 peratus (suku ketiga 2023, 4.8 peratus), manakala penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman merekodkan kenaikan 3.4 peratus (suku ketiga 2023, 4.6 peratus).

Peningkatan itu disebabkan kenaikan dalam aktiviti perkhidmatan minuman (4.0 peratus) dan restoran serta aktiviti perkhidmatan makan bergerak (3.8 peratus).

Komponen makanan di rumah meningkat 1.1 peratus pada Januari 2024 berbanding Disember 2023, 1.3 peratus, didorong oleh kelas perbelanjaan bijirin dan produk bijirin yang meningkat kepada 2.7 peratus pada Januari lalu berbanding 3.0 peratus pada Disember 2023.

Angka kenaikan harga barang seumpama ini hanya mendatangkan kegusaran pada orang raya. Kenaikan kos sara hidup bakal memberi kesan besar kepada negara dan menyumbang kepada kesenjangan ekonomi semakin melebar antara golongan masyarakat.

Menangani kos sara hidup adalah cabaran kompleks, memerlukan pendekatan menyeluruh. Pakar ekonomi acapkali mencadangkan kadar gaji atau upah minimum pekerja dinatakan dalam usaha membantu rakyat mendepani cabaran kos sara hidup semakin tinggi.

Bagaimanapun, kadar gaji minimum RM1,500 sebulan ditetapkan kerajaan masih tumpak kurang berhasil mengimbangi kenaikan kos sara hidup dihadapi rakyat masa kini.

Oleh itu, kerajaan perlu tanggap menangani semua masalah berkaitan hidup dan kehidupan rakyat, kos kehidupan semakin meruncing dan sebagainya secara tuntas dan terbuka, tanpa berlengah lagi.

Jika rakyat berasakan kehidupan mereka menjadi semakin sukar pada masa ini berbanding sebelumnya, iaiti bermakna kerajaan perlu mencari jalan menambah balik dasar, strategi, formula dan halal tuju pengurusan ekonomi sedia ada dengan segera.

Oleh itu, satu reformasi ekonomi perlu dirangka dengan teliti supaya langkah jangka pendek dan panjang dapat dilaksanakan segera untuk membantu mengurangkan bebanan rakyat.

Kerajaan perlu memastikan semua kementerian dan agensi bertindak secara kolektif serta proaktif dalam mengurangkan bebanan rakyat.

Antara lain, pertambahan secara bersepada dan berterusan untuk memastikan kekurangan bahan mentah, makanan asas dan lain-lain lagi dalam pasaran, tidak bertaku lagi. Sikap pentaga dan pemborong yang sesuka hati menaikkan harga barang

Rakyat boleh memulakan projek penanaman sayur-sayuran seperti 'taman dapur' atau pertanian menegak secara kecil-kecilan antara cara praktikal bagi mengurangkan kos perbelanjaan serta mencapai keterjaminan makanan.

selepas kenaikan SST perlu diberi tumpuan kerajaan.

*BERAKHIR PADA PERTAMA LALU DAN BERPADA*

Sementara itu, rakyat juga tidak boleh lepas tangan dan perlu memastikan peranan masing-masing dengan menjadi mata serta telinga bagi pihak berwajib memantau harga barang. Penguatkuasaan undang-undang dan kerjasama masyarakat adalah antara langkah paling berkesan bagi membendung masalah harga barang.

Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan untuk mengenakan Cukai Makmur, seperti yang terkandung dalam pembentangan Belanjawan 2023 untuk membantu orang ramai menghadapi keadaan semasa menebak ini. Cukai Makmur perlu diperkenalkan kepada syarikat menjana pendapatan tinggi untuk membantu menampung subsidi diberikan kepada rakyat.

Paling penting, apakah usaha yang patut rakyat mainkan waktu ini, untuk mengurangkan bebanan kewangan dihadapi dan kos kehidupan semakin tinggi. Inilah masanya untuk rakyat mengamalkan gaya hidup lestari.

Rakyat boleh memulakan projek penanaman sayur-sayuran seperti 'taman dapur' atau pertanian menegak secara kecil-kecilan antara cara praktikal bagi mengurangkan kos perbelanjaan serta mencapai keterjaminan makanan.

Sejak kebelakangan ini, banyak projek pertanian menegak menggunakan sistem aeroponik dan hidroponik yang cekap serta efektif dilaksanakan kerana tidak memerlukan banyak air, ruang dan masa berbanding teknik pertanian konvensional.

Pembaziran sumber daya juga harus dilakukan dan aktiviti seperti kitar semula serta pembelian bertanggungjawab harus menjadi amalan rakyat.

Tidak lama lagi sebuahan besar rakyat akan menyambut Ramadan dan setiap tahun berita pembaziran makanan atau perbelanjaan melampaui kemampuan sama ada di bazar atau bufer Ramadan sering berlaku.

Seiring dengan peningkatan kos sara hidup semakin meruncing ini, jadikan tahun ini sebagai permuhan untuk rakyat berbelanja lebih berhemat.

Rakyat juga kini harus menguasai literasi kewangan bagi membantu menguruskan kewangan dan gaya hidup supaya sejajar dengan pendapatan dan sumber daya tersedia.

Dalam konteks kos sara hidup, rakyat perlu lebih cakna dan berdisiplin menguruskan perbelanjaan harian, membuat perancangan kewangan jangka pendek dan panjang, serta mengambil keputusan bijak meletakkan wang mereka dan mengutamakan perbelanjaan berkaitan dengan keperluan asas seperti makanan, perumahan dan kesihatan.

Penting bagi rakyat untuk 'ukur baju di badan sendiri' dan mempunyai kemampuan membezakan antara keperluan serta kehendak dalam perbelanjaan harian. Ini membantu individu membuat keputusan bijak meletakkan wang mereka dan mengutamakan perbelanjaan berkaitan dengan keperluan asas seperti makanan, perumahan dan kesihatan.

Namun, kerajaan juga tetap perlu mencari jalan bagi memastikan segala kenaikan harga barang dan kos sara hidup ini berada pada paras tidak begitu membebankan rakyat.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 MAC 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Mar	PROJEK RINTIS SKDS 2.0 BERMULA ESOK - ARMI-ZAN	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276577">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276577</a>	BERNAMA
7-Mar	Pelaksanaan Fasa II SKDS 2.0 berkuatkuasa esok – Armizan	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/06/pelaksanaan-fasa-ii-skds-2-0-berkuatkuasa-esok-">https://malaysiagazette.com/2024/03/06/pelaksanaan-fasa-ii-skds-2-0-berkuatkuasa-esok-</a>	MALAYSIA GAZETTE
7-Mar	Projek Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi diperluas kepada kenderaan barang mulai esok	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220249/projek-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-diperluas-">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220249/projek-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-diperluas-</a>	BERITA HARIAN
7-Mar	Projek rintis diesel bersubsidi diperluas ke sembilan kenderaan barang	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/projek-rintis-diesel-bersubsidi-diperluas-ke-sembilan-kenderaan-barangan/">https://www.buletintv3.my/nasional/projek-rintis-diesel-bersubsidi-diperluas-ke-sembilan-kenderaan-barangan/</a>	BULETIN TV3
7-Mar	Projek rintis sistem diesel bersubsidi diperluas kepada 9 jenis kenderaan mulai esok	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067453/projek-rintis-sistem-diesel-bersubsidi-diperluas-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067453/projek-rintis-sistem-diesel-bersubsidi-diperluas-</a>	HARIAN METRO
7-Mar	Projek rintis diesel bersubsidi diperluas ke sembilan kenderaan barang	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653055/berita/nasional/projek-rintis-diesel-bersubsidi-diperluas-ke-sembilan-kenderaan-">https://www.sinarharian.com.my/article/653055/berita/nasional/projek-rintis-diesel-bersubsidi-diperluas-ke-sembilan-kenderaan-</a>	SINAR HARIAN
7-Mar	KPDN Kelantan lupus pelbagai barang tiruan lebih setengah juta	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/kpdn-kelantan-lupus-pelbagai-barangan-tiruan-lebih-">https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/kpdn-kelantan-lupus-pelbagai-barangan-tiruan-lebih-</a>	UTUSAN MALAYSIA
7-Mar	Impak sosioekonomi pelaksanaan kenaikan cukai perkhidmatan perlu dipantau	<a href="https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/impak-sosioekonomi-pelaksanaan-kenaikan-cukai-perkhidmatan-perlu-dipantau">https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/impak-sosioekonomi-pelaksanaan-kenaikan-cukai-perkhidmatan-perlu-dipantau</a>	BERITA RTM

7-Mar	SST 8 peratus, belum kedengaran harga babi naik sekitar Kuching, Serian	<a href="https://dayakdaily.com/sst-8-peratus-belum-kedengaran-babi-naik-sekitar-kuching-serian/">https://dayakdaily.com/sst-8-peratus-belum-kedengaran-babi-naik-sekitar-kuching-serian/</a>	DAYAK DAILY
7-Mar	SST 8 peratus: Enam aduan diterima Ops Kesan sejak 1 Mac lalu	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/06/sst-8-peratus-enam-aduan-diterima-ops-kesan-sejak-1-mac-lalu/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/06/sst-8-peratus-enam-aduan-diterima-ops-kesan-sejak-1-mac-lalu/</a>	KOSMO
7-Mar	KPDN buat operasi kesan pantau pelaksanaan kenaikan SST – Armizan	<a href="https://suara.tv/06/03/2024/kpdn-buat-operasi-kesan-pantau-pelaksanaan-kenaikan-sst/">https://suara.tv/06/03/2024/kpdn-buat-operasi-kesan-pantau-pelaksanaan-kenaikan-sst/</a>	SUARA TV
7-Mar	KPDN keluar 167 notis premis ubah harga – Armizan	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2024/03/06/kpdn-keluar-167-notis-premis-ubah-harga-armizan/">https://malaysiaga-zette.com/2024/03/06/kpdn-keluar-167-notis-premis-ubah-harga-armizan/</a>	MALAYSIA GAZETTE
7-Mar	Kenaikan cukai perkhidmatan: KPDN keluar 167 notis selaras harga tidak munasabah	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kenaikan-cukai-perkhidmatan-kpdn-keluar-167-notis-selaras-harga-tidak-munasabah/">https://www.buletintv3.my/nasional/kenaikan-cukai-perkhidmatan-kpdn-keluar-167-notis-selaras-harga-tidak-munasabah/</a>	BULETIN TV3
7-Mar	SST: 3,460 premis diperiksa, KPDN keluar 167 notis	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220265/sst-3460-premis-diperiksa-kpdn-keluar-167-notis">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220265/sst-3460-premis-diperiksa-kpdn-keluar-167-notis</a>	BERITA HARIAN
7-Mar	SST: KPDN Perak keluar 10 notis	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653057/edisi/perak/sst-kpdn-perak-keluar-10-notis">https://www.sinarharian.com.my/article/653057/edisi/perak/sst-kpdn-perak-keluar-10-notis</a>	SINAR HARIAN
7-Mar	MGNews : SST: KPDN Periksa 3,460 Premis Dan Keluar 167 Notis	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2024/03/06/mgnews-sst-kpdn-periksa-3460-premis-dan-keluar-167-notis/">https://malaysiaga-zette.com/2024/03/06/mgnews-sst-kpdn-periksa-3460-premis-dan-keluar-167-notis/</a>	MALAYSIA GAZETTE
7-Mar	Labuan wants grace period on tax penalty	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/230024/labuan-wants-grace-period-on-tax-penalty/">https://www.dailyexpress.com.my/news/230024/labuan-wants-grace-period-on-tax-penalty/</a>	DAILY EXPRESS
7-Mar	Hotel tawar harga bufet Ramadhan RM290	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652935/berita/nasional/hotel-tawar-harga-bufet-ramadan-rm290">https://www.sinarharian.com.my/article/652935/berita/nasional/hotel-tawar-harga-bufet-ramadan-rm290</a>	SINAR HARIAN

7-Mar	300 penduduk DUN Permatang 'serbu' Program Jualan Rahmah Madani	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652979/berita/nasional/300-penduduk-dun-permatang-serbu-program-jualan-rahmah-madani">https://www.sinarharian.com.my/article/652979/berita/nasional/300-penduduk-dun-permatang-serbu-program-jualan-rahmah-madani</a>	SINAR HARIAN
7-Mar	Bahan bakeri, plastik pembungkusan disyaki guna logo halal tidak sah disita	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067511/bahan-bakeri-plastik-pembungkusan-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067511/bahan-bakeri-plastik-pembungkusan-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah-</a>	HARIAN METRO
7-Mar	Bahan bakeri, bungkusan guna logo halal palsu dirampas	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/06/33890-unit-bahan-bakeri-bungkusan-guna-logo-halal-palsu-dirampas/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/06/33890-unit-bahan-bakeri-bungkusan-guna-logo-halal-palsu-dirampas/</a>	KOSMO
7-Mar	KPDN Johor sita 33,890 unit bahan bakeri dan plastik pembungkus guna logo halal tidak sah	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-johor-sita-33890-unit-bahan-bakeri-dan-plastik-pembungkus-guna-logo-halal-tidak-sah/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-johor-sita-33890-unit-bahan-bakeri-dan-plastik-pembungkus-guna-logo-halal-tidak-sah/</a>	BULETIN TV3
7-Mar	Bahan bakeri, plastik pembungkusan disyaki guna logo halal tidak sah disita	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067511/bahan-bakeri-plastik-pembungkusan-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067511/bahan-bakeri-plastik-pembungkusan-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah-</a>	HARIAN METRO
7-Mar	KPDN JOHOR SITA 33,980 UNIT BAHAN BAKERI GUNA LOGO HALAL TIDAK SAH	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2276701">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2276701</a>	BERNAMA
7-Mar	KPDN Kelantan lupus barang tiruan lebih RM660,000	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kelantan-lupus-barang-tiruan-lebih-rm660000/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kelantan-lupus-barang-tiruan-lebih-rm660000/</a>	BULETIN TV3
7-Mar	Lupus barang tiruan lebih RM660,000	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067443/lupus-barang-tiruan-lebih-rm660000">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067443/lupus-barang-tiruan-lebih-rm660000</a>	HARIAN METRO
7-Mar	KPDN KELANTAN LUPUS BARRANG KES BERNILAI LEBIH RM660,000	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2276595">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2276595</a>	BERNAMA
7-Mar	KPDN Perak sedia anjur Bazar Ramadan Rahmah seluruh negeri tahun ini	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-sedia-anjur-bazar-ramadan-rahmah-seluruh-negeri-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-sedia-anjur-bazar-ramadan-rahmah-seluruh-negeri-</a>	ASTRO AWANI

7-Mar	KPDN ready to organise ramadan Rahmah Bazaars throughout Perak this year	<a href="https://thesun.my/local_news/kpdn-ready-to-organise-ramadan-rahmah-bazaars-throughout-perak-this-year-EK12184808">https://thesun.my/local_news/kpdn-ready-to-organise-ramadan-rahmah-bazaars-throughout-perak-this-year-EK12184808</a>	THE SUN
7-Mar	KPDN PERAK SEDIA ANJUR BAZAR RAMDAN RAHMAH SELURUH NEGERI TAHUN INI	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276655">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276655</a>	BERNAMA
7-Mar	TOYO TYRE PANTAU KESAN KENAIKAN CUKAI PERKHIDMATAN TER-HDAP OPERASINYA	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276740">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276740</a>	BERNAMA
7-Mar	Fasa II Projek Rintis SKDS 2.0 diperluas ke sektor pengangkutan darat (barang) bermula esok	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/projek-rintis-skds-2-0-diperluas-sektor-pengangkutan-darat-barangan-bermula-esok/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/projek-rintis-skds-2-0-diperluas-sektor-pengangkutan-darat-barangan-bermula-esok/</a>	UTUSAN MALAYSIA
7-Mar	SKDS 2.0 pilot project to begin tomorrow - Armizan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/skds-20-pilot-project-begin-tomorrow-armizan-461134">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/skds-20-pilot-project-begin-tomorrow-armizan-461134</a>	ASTRO AWANI
7-Mar	Armizan: SKDS 2.0 pilot project to begin tomorrow	<a href="https://thesun.my/local_news/armizan-skds-2-0-pilot-project-to-begin-tomorrow-OK12183904">https://thesun.my/local_news/armizan-skds-2-0-pilot-project-to-begin-tomorrow-OK12183904</a>	THE SUN
7-Mar	MGNews : SKDS 2.0 Diperluas Kepada Sembilan Jenis Kenderaan	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2024/03/06/mgnews-skds-2-0-diperluas-kepada-sembilan-jenis-kenderaan/">https://malaysiaga-zette.com/2024/03/06/mgnews-skds-2-0-diperluas-kepada-sembilan-jenis-kenderaan/</a>	MALAYSIA GAZETTE
7-Mar	KPDN: Subsidised Diesel Control System 2.0 pilot project to begin tomorrow	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/06/kpdn-subsidised-diesel-control-system-2-0-pilot-project-to-begin-tomorrow/">https://www.theborneopost.com/2024/03/06/kpdn-subsidised-diesel-control-system-2-0-pilot-project-to-begin-tomorrow/</a>	THE BORNEO POST
7-Mar	Subsidi diesel: Projek SKDS 2.0 diperluas kepada kenderaan barang bermula esok	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/subsidi-diesel-projek-skds-20-diperluas-kepada-kenderaan-barangan-bermula-esok-461097">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/subsidi-diesel-projek-skds-20-diperluas-kepada-kenderaan-barangan-bermula-esok-461097</a>	ASTRO AWANI
7-Mar	Projek rintis diesel bersubsidi diperluaskan	<a href="https://malaysia-tribune.news/2024/03/06/projek-rintis-diesel-bersubsidi-diperluaskan/">https://malaysia-tribune.news/2024/03/06/projek-rintis-diesel-bersubsidi-diperluaskan/</a>	MALAYSIA TRIBUNE

7-Mar	SST 8 peratus: Enam aduan diterima Op Kesan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/sst-8-peratus-enam-aduan-diterima-op-kesan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/sst-8-peratus-enam-aduan-diterima-op-kesan/</a>	UTUSAN MALAYSIA
7-Mar	Premis jual seluar sekolah harga tak munasabah diberi notis	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653068/edisi/perak/premis-jual-seluar-sekolah-harga-tak-munasabah-diberi-notis">https://www.sinarharian.com.my/article/653068/edisi/perak/premis-jual-seluar-sekolah-harga-tak-munasabah-diberi-notis</a>	SINAR HARIAN
7-Mar	Reassess fiscal deficit target before reviewing SST hike, economist urges govt	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1022034/reassess-fiscal-deficit-target-reviewing-sst-hike-economist-urges-govt">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1022034/reassess-fiscal-deficit-target-reviewing-sst-hike-economist-urges-govt</a>	NEW STRAITS TIMES
7-Mar	OPS KESAN: KPDN PERIKSA 3,460 PREMIS, KELUARKAN 167 NOTIS - ARMIZAN	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2276596">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2276596</a>	BERNAMA
7-Mar	Ops Kesan: KPDN inspects 3,460 premises, issues 167 notices - Armizan	<a href="https://thesun.my/local_news/ops-kesan-kpdn-inspects-3460-premises-issues-167-notices-armizan-GK12184442">https://thesun.my/local_news/ops-kesan-kpdn-inspects-3460-premises-issues-167-notices-armizan-GK12184442</a>	THE SUN